



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

B//23

BANCI EKONOMI ECONOMIC CENSUS 2023



STATISTIK HALAL
HALAL STATISTICS

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

BANCI EKONOMI *ECONOMIC CENSUS*

2023

STATISTIK HALAL *HALAL STATISTICS*

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
E-mel / E-mail	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>)
		data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM60.00

Diterbitkan pada Ogos 2025 / *Published in August 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISBN 978 – 967 – 253 – 954 – 4

Penerbitan Banci Ekonomi 2023 Statistik Halal memaparkan statistik utama bagi tahun rujukan 2022. Ia merangkumi aktiviti ekonomi dalam sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian. Statistik ini diperoleh daripada Banci Ekonomi 2023 yang meliputi semua pertubuhan yang dikelaskan di bawah Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0, selaras dengan International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. Banci terdahulu dijalankan pada tahun 2016 bagi tahun rujukan 2015.

Statistik utama yang berkaitan dengan bilangan pertubuhan, nilai output kasar, nilai input perantara, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah, dan nilai harta tetap dilaporkan dalam penerbitan ini. Data tersebut boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama memaparkan sorotan utama statistik halal, diikuti dengan bahagian kedua yang mengandungi ringkasan penemuan berkaitan Statistik Halal. Seterusnya, bahagian ketiga mengandungi jadual statistik terperinci. Manakala bahagian keempat merangkumi aspek teknikal termasuk skop dan liputan, konsep dan definisi serta penjelasan berkaitan pemboleh ubah utama.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak yang telah membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
Ogos 2025



PREFACE

The Economic Census 2023 Halal Statistics presents the principal statistics for the reference year 2022. It covers economic activities in the Manufacturing, Services and Agriculture sectors. These statistics were obtained from the Economic Census 2023, which includes all establishments classified under the Malaysian Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Version 1.0, following the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. The previous census was conducted in 2016, for the reference year of 2015.

Principal statistics related to the number of establishments, value of gross output, value of intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are reported in this publication. The data can be used by government agencies, economists, academicians, private sectors and individuals for planning and policy formulations, economic analysis, projections and business development planning.

The publication is divided into four parts. The first part presents the main highlights of Halal Statistics, followed by the second part, which provides a summary of the findings related to Halal Statistics. The third part contains detailed statistical tables, while the fourth part covers technical aspects, including scope and coverage, concepts and definitions, as well as explanations of the key variables.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the cooperation of all parties who have provided the required data and contributed to the success of this publication. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia
August 2025

Kata Pengantar*Preface*

i – ii

Kandungan*Contents*

iii - vii

BAHAGIAN 1 | PART 1**Sorotan Utama***Main Highlights*

1 - 4

BAHAGIAN 2 | PART 2**Ringkasan Penemuan***Summary of Findings*

5 - 44

BAHAGIAN 3 | PART 3**Jadual Statistik***Statistics Tables*

Jadual 1	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal mengikut Sektor dan Subsektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian, 2010, 2015 dan 2022	47
<i>Table 1</i>	<i>Principal Statistics of Halal Statistics Establishments by Manufacturing, Services and Agriculture Sector and Sub-Sector, 2010, 2015 and 2022</i>	
Jadual 2	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS mengikut Sektor dan Subsektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian, 2022	48
<i>Table 2</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments by Sector and Sub-sector of Manufacturing, Services and Agriculture, 2022</i>	
Jadual 3	Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah Pertubuhan Berstatus Halal mengikut Sektor, 2010, 2015 dan 2022	49
<i>Table 3</i>	<i>Number of Persons Engaged and Salaries & Wages of Halal Establishments, 2010, 2015 and 2022</i>	
Jadual 4	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Pembuatan mengikut Subsektor, 2010, 2015 dan 2022	50
<i>Table 4</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Manufacturing Sector by Sub-Sector, 2010, 2015 and 2022</i>	

Jadual 5	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS dalam Sektor Pembuatan mengikut Subsektor, 2022	51
<i>Table 5</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Manufacturing Sector by Sub-Sector, 2022</i>	
Jadual 6	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2022	52
<i>Table 6</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Services Sector by Sub-Sector, 2022</i>	
Jadual 7	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2022	53
<i>Table 7</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Services Sector by Sub-Sector, 2022</i>	
Jadual 8	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Pertanian mengikut Subsektor, 2022	54
<i>Table 8</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Agriculture Sector by Sub-sector, 2022</i>	
Jadual 9	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS dalam Sektor Pertanian mengikut Subsektor, 2022	55
<i>Table 9</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Agriculture Sector by Sub-Sector, 2022</i>	
Jadual 10	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Pembuatan mengikut Negeri, 2022	56
<i>Table 10</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Manufacturing Sector by State, 2022</i>	
Jadual 11	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS dalam Sektor Pembuatan mengikut Negeri, 2022	57
<i>Table 11</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments of Manufacturing Sector by State, 2022</i>	
Jadual 12	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Negeri bagi Pertubuhan, 2022	58
<i>Table 12</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Services Sector by State, 2022</i>	

Jadual 13	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Negeri, 2022	59
<i>Table 13</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Services Sector by State, 2022</i>	
Jadual 14	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Pertanian mengikut Negeri, 2022	60
<i>Table 14</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Agriculture Sector by State, 2022</i>	
Jadual 15	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS dalam Sektor Pertanian mengikut Negeri, 2022	61
<i>Table 15</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Agriculture Sector by State, 2022</i>	
Jadual 16	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Pembuatan mengikut Taraf Sah, 2022	62
<i>Table 16</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Manufacturing Sector by Legal Status, 2022</i>	
Jadual 17	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Taraf Sah, 2022	63
<i>Table 17</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Services Sector by Legal Status, 2022</i>	
Jadual 18	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Pertanian mengikut Taraf Sah, 2022	64
<i>Table 18</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Agriculture Sector by Legal Status, 2022</i>	
Jadual 19	Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah Pertubuhan Berstatus Halal Sektor Pembuatan mengikut Kategori Pekerja, 2022	65
<i>Table 19</i>	<i>Number of Persons Engaged and Salaries & wages of Halal Establishments in Manufacturing Sectors by Category of Workers, 2022</i>	
Jadual 20	Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah Pertubuhan Berstatus Halal Sektor Perkhidmatan mengikut Kategori Pekerja, 2022	66
<i>Table 20</i>	<i>Number of Persons Engaged and Salaries & wages of Halal Establishments in Services Sectors by Category of Workers, 2022</i>	

Jadual 21	Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah Pertubuhan Berstatus Halal Sektor Pertanian mengikut Kategori Pekerja, 2022	67
<i>Table 21</i>	<i>Number of Persons Engaged and Salaries & wages of Halal Establishments in Agriculture Sectors by Category of Workers, 2022</i>	
Jadual 22	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Pembuatan mengikut Hak Milik, 2022	68
<i>Table 22</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Manufacturing Sector by Ownership, 2022</i>	
Jadual 23	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS dalam Sektor Pembuatan mengikut Hak Milik, 2022	69
<i>Table 23</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Manufacturing Sector by Ownership, 2022</i>	
Jadual 24	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Hak Milik, 2022	70
<i>Table 24</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Services Sector by Ownership, 2022</i>	
Jadual 25	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Hak Milik, 2022	71
<i>Table 25</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Services Sector by Ownership, 2022</i>	
Jadual 26	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal dalam Sektor Pertanian mengikut Hak Milik, 2022	72
<i>Table 26</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Agriculture Sector by Ownership, 2022</i>	
Jadual 27	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS Sektor Pertanian mengikut Hak Milik, 2022	73
<i>Table 27</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Agriculture Sector by Ownership, 2022</i>	
Jadual 28	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal Milikan Wanita, 2010, 2015 dan 2022	74
<i>Table 28</i>	<i>Principal Statistics of Halal Establishments in Women-Owned Establishments, 2010, 2015 and 2022</i>	
Jadual 29	Statistik Utama Pertubuhan Berstatus Halal PMKS Milikan Wanita, 2022	75
<i>Table 29</i>	<i>Principal Statistics of MSMEs Halal Establishments in Women-Owned Establishments, 2022</i>	

Jadual 30	Eksport Produk Halal mengikut Pengkelasan Barangan Malaysia, 2022	76
<i>Table 30</i>	<i>Export of Halal Products by Goods Classification Malaysia, 2022</i>	
Jadual 31	10 Destinasi Tertinggi Eksport Produk Halal, 2022	77
<i>Table 31</i>	<i>Top 10 Exports Destination for Halal Products, 2022</i>	
BAHAGIAN 4 PART 4		
Nota Teknikal		79 - 137
<i>Technical Notes</i>		

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

The background image is a stylized, painterly illustration of a port scene at sunset. A large cargo ship is docked at a pier, with a large gantry crane positioned over its deck. The sky is filled with soft, colorful clouds in shades of orange, pink, and purple. The water in the foreground reflects the warm light of the setting sun. In the lower left, a smaller tugboat is visible. The overall mood is serene and industrial.

SOROTAN UTAMA *MAIN HIGHLIGHTS*

STATISTIK UTAMA HALAL

BILANGAN
PERTUBUHAN
BERSTATUS HALAL



2022: 12,424
2015: 6,130

BILANGAN
PEKERJA



2022: 610,672 orang
2015: 342,893 orang

NILAI OUTPUT
KASAR



2022: RM417.2 bilion
2015: RM207.4 bilion

GAJI & UPAH



2022: RM25.1 bilion
2015: RM10.2 bilion

NILAI INPUT
PERANTARAAN



2022: RM319.0 bilion
2015: RM65.3 bilion

BILANGAN
PERTUBUHAN
WANITA



2022: 1,285
2015: 660

NILAI DITAMBAH



2022: RM98.2 bilion
2015: RM42.1 bilion

PERUSAHAAN
MIKRO, KECIL &
SEDERHANA



2022: 7,748 pertubuhan

NILAI HARTA
TETAP



2022: RM105.9 bilion
2015: RM60.5 bilion

Nota:

Liputan BE 2023 meliputi sektor Pertanian manakala BE2016 tidak meliputi sektor Pertanian

Sumber: Banci Ekonomi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



PRINCIPAL STATISTICS OF HALAL

NUMBER OF
HALAL
ESTABLISHMENTS



2022: 12,424
2015: 6,130

NUMBER OF
PERSON
ENGAGED



2022: 610,672 persons
2015: 342,893 persons

VALUE OF
GROSS OUTPUT



2022: RM417.2 billion
2015: RM207.4 billion

SALARIES &
WAGES



2022: RM25.1 billion
2015: RM10.2 billion

VALUE OF
INTERMEDIATE
INPUT



2022: RM319.0 billion
2015: RM65.3 billion

NUMBER OF
WOMAN-OWNED
ESTABLISHMENTS



2022: 1,285
2015: 660

VALUE ADDED



2022: RM98.2 billion
2015: RM42.1 billion

MICRO, SMALL &
MEDIUM
ENTERPRISES



2022: 7,748 establishments

VALUE OF FIXED
ASSETS



2022: RM105.9 billion
2015: RM60.5 billion

Nota:

The coverage of BE2023 included the Agriculture sector, whereas BE2016 did not include Agriculture sector

Source: 2023 Economic Census, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

STATISTIK HALAL

RINGKASAN PENEMUAN
SUMMARY OF FINDINGS

BANCI EKONOMI 2023

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

1. PENGENALAN

Tahun 2022 adalah tahun yang penuh dengan cabaran dan ketidaktentuan, dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kenaikan inflasi, konflik geopolitik, kenaikan kadar faedah dan ketidaktentuan pasaran kewangan. Walaupun menghadapi ketidaktentuan global, Malaysia mencatat prestasi ekonomi yang kukuh pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 8.9 peratus. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, prestasi eksport yang memberangsangkan serta dasar kerajaan yang menyokong. Namun begitu, negara terus berdepan pelbagai cabaran seperti inflasi, gangguan rantai bekalan dan ketidakstabilan pasaran, yang memerlukan campur tangan dasar yang strategik dan dirancang dengan teliti.

Seiring dengan peredaran masa, kerajaan giat merangka pelaksanaan dasar dan program ke arah pembangunan sosioekonomi negara yang mampan serta mengadakan pelbagai inisiatif dan program bagi membangunkan serta mempromosi pensijilan halal di Malaysia. Pensijilan Halal di Malaysia bermula seawal tahun 1965 yang dimulakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebelum Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan surat pertama pengesahan halal pada tahun 1974 bagi produk makanan dan minuman yang mematuhi syarak. Seterusnya pada tahun 1994, Kerajaan memutuskan agar pengesahan dan pensijilan Halal di Malaysia diberikan dalam bentuk sijil berserta logo yang seragam oleh JAKIM. Dalam usaha meletakkan Malaysia kearah negara yang paling berdaya saing menerajui industri halal global, *Halal Development Cooperation* (HDC) juga telah ditubuhkan pada 2006 dibawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Dasar Halal Negara 2025-2035 pula dibangunkan sebagai strategi jangka panjang pembangunan halal negara. Malaysia sebagai hab Halal Global telah menyumbang sebanyak RM61.8 bilion produk halal iaitu lebih kurang 4.1% daripada jumlah eksport negara sebagai strategi jangka panjang.


DOSM telah melaksanakan Banci Ekonomi 2023 bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai prestasi dan struktur ekonomi, sekaligus meningkatkan pemahaman tentang keadaan ekonomi negara. Data yang dikumpul menjadi asas penting kepada kerajaan, penggubal dasar dan penyelidik untuk membuat keputusan berasaskan maklumat dan membangunkan strategi yang berkesan untuk pertumbuhan ekonomi negara. Antara maklumat yang dikumpul dalam banci ini merangkumi profil pertumbuhan yang mematuhi periktirafan halal di Malaysia atau antarabangsa.

2. STATISTIK HALAL

Penerbitan ini membentangkan penemuan Statistik Halal Malaysia berdasarkan maklumat Banci Ekonomi 2023. Statistik utama seperti bilangan pertubuhan, nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah yang dibayar, nilai harta tetap yang dimiliki, pemilikan wanita dan eksport produk halal serta pengkelasan barangan turut dipaparkan di dalam laporan ini. Statistik Halal 2022 merangkumi tiga sektor utama iaitu Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian.

Berdasarkan dapatan Banci Ekonomi 2023, terdapat 12,424 pertubuhan berstatus halal. Nilai output kasar dan nilai input perantaraan masing-masing merekodkan RM417.2 bilion dan RM319.0 bilion. Nilai ditambah pula merekodkan RM98.2 bilion. Bilangan pekerja yang terlibat dalam pertubuhan berstatus halal adalah 610,672 orang dengan gaji & upah yang dibayar sebanyak RM25.1 bilion. Nilai harta tetap pertubuhan berstatus halal pula merekodkan RM105.8 bilion.

Paparan 1: Perangkaan Utama Statistik Halal Malaysia, 2015 dan 2022



Nota:


Liputan BE2023 meliputi sektor Pertanian manakala BE2016 tidak meliputi sektor Pertanian

2.1 STATISTIK HALAL SEKTOR PEMBUATAN

Pada tahun 2022, sebanyak 3,590 pertubuhan berstatus halal telah beroperasi dalam sektor Pembuatan berbanding 2,151 (tahun 2015) dengan kadar pertumbuhan tahunan 7.3 peratus. Dalam tempoh yang sama, nilai output kasar sebanyak RM347.8 bilion pada tahun 2022 berbanding RM178.0 bilion pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.6 peratus menghasilkan nilai ditambah sebanyak RM61.4 bilion pada tahun 2022.

Sektor ini juga mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan bilangan pekerja sebanyak 5.4 peratus iaitu 283,184 orang pada 2022 berbanding 194,099 orang pada 2015. Sementara itu, jumlah gaji & upah yang dibayar dalam sektor ini adalah RM12.4 bilion berbanding RM6.5 bilion pada 2015.

Paparan 2: Perangkaan Utama Statistik Halal Sektor Pembuatan, 2015 dan 2022




2.2 STATISTIK HALAL SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan mencatatkan jumlah pertubuhan berstatus halal sebanyak 8,464 pertubuhan pada 2022 berbanding 3,979 pertubuhan pada 2015 yang menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10.8 peratus. Dalam tempoh yang sama, nilai output kasar mencatatkan kenaikan sehingga RM59.6 bilion pada tahun 2022 berbanding RM29.4 bilion (2015) dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10.1 peratus. Nilai ditambah adalah RM32.2 bilion pada tahun 2022 berbanding RM14.2 bilion (2015) dengan kadar pertumbuhan 11.7 peratus.

Sektor ini juga mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan bilangan pekerja sebanyak 10.7 peratus (2022: 314,392) berbanding 148,794 pekerja pada tahun 2015. Sementara itu, jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2022 adalah RM12.3 bilion berbanding RM3.7 bilion pada tahun 2015.


Paparan 3: Perangkaan Utama Statistik Halal Sektor Perkhidmatan, 2015 dan 2022



2.3 STATISTIK HALAL SEKTOR PERTANIAN

Bilangan pertubuhan berstatus halal dalam sektor Pertanian pada 2022 adalah 370 pertubuhan. Nilai output kasar dan nilai ditambah masing-masing mencatatkan nilai sebanyak RM9.9 bilion dan RM4.7 bilion. Dari segi bilangan pekerja, seramai 13,096 orang telah direkodkan pada 2022 dengan jumlah gaji & upah yang dibayar sebanyak RM345.2 juta.

Paparan 4: Perangkaan Utama Statistik Halal Sektor Pertanian, 2022



3. BILANGAN PERTUBUHAN BERSTATUS HALAL MENGIKUT NEGERI DAN SEKTOR


Pada tahun 2022, bilangan pertubuhan tertinggi berstatus halal adalah di Selangor sebanyak 3,404 pertubuhan. Ini diikuti Johor (1,417 pertubuhan), W.P Kuala Lumpur (1,126 pertubuhan) dan Perak (1,039 pertubuhan). Bilangan pertubuhan bagi negeri lain adalah seperti di **Paparan 5**.

Selangor merekodkan bilangan pertubuhan halal tertinggi dalam sektor Pembuatan pada tahun 2022 dengan 825 pertubuhan (23.0%), diikuti oleh Johor (588 pertubuhan, 16.4%), Perak (379 pertubuhan, 10.6%) dan Pulau Pinang (358 pertubuhan, 10.0%). Secara keseluruhan, empat negeri ini menyumbang 60.0 peratus daripada jumlah pertubuhan halal sektor Pembuatan.

Bagi sektor Perkhidmatan pula, Selangor mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi pada tahun 2022 sebanyak 2,533 pertubuhan dengan 29.9 peratus daripada jumlah pertubuhan berstatus halal. Dua negeri yang turut menyumbang ialah W.P. Kuala Lumpur sebanyak 1,057 pertubuhan (12.5%), dan Johor sebanyak 754 pertubuhan (8.9%).

Manakala bagi sektor Pertanian, Johor mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi pada tahun 2022 sebanyak 75 pertubuhan atau 20.3 peratus daripada jumlah pertubuhan berstatus halal. Dua negeri lain yang turut menyumbang ialah Sabah (63 pertubuhan, 17.0%) dan Selangor (46 pertubuhan, 12.4%).

Paparan 5: Bilangan Pertubuhan Berstatus Halal mengikut Negeri, 2015 dan 2022

Jumlah							
Malaysia							
	2022: 12,424 2015: 6,130	2022: 3,590 2015: 2,152	2022: 8,464 2015: 3,979	2022: 370			
	2022: 588 2015: 398	2022: 754 2015: 432	2022: 75		2022: 270 2015: 126	2022: 340 2015: 170	2022: 21
	2022: 114 2015: 64	2022: 271 2015: 93	2022: 9		2022: 147 2015: 94	2022: 322 2015: 130	2022: 18
	2022: 110 2015: 78	2022: 317 2015: 133	2022: 13		2022: 164 2015: 65	2022: 469 2015: 141	2022: 27
	2022: 379 2015: 233	2022: 620 2015: 307	2022: 40		2022: 24 2015: 6	2022: 16 2015: 13	2022: ***
	2022: 358 2015: 230	2022: 613 2015: 260	2022: 8		2022: 201 2015: 83	2022: 352 2015: 181	2022: 63
	2022: 230 2015: 85	2022: 535 2015: 231	2022: 40		2022: 825 2015: 549	2022: 2,533 2015: 1,039	2022: 46
	2022: 99 2015: 35	2022: 200 2015: 64	2022: 7		2022: 69 2015: 102	2022: 1,057 2015: 760	2022: -
	2022: 12 2015: 3	2022: 20 2015: 5	2022: 2		2022: - 2015: -	2022: 45 2015: 20	2022: -

Nota:

Liputan BE2023 meliputi sektor Pertanian manakala

BE2016 tidak meliputi sektor Pertanian

***kurang daripada tiga pertubuhan



sektor Pembuatan



sektor Perkhidmatan




sektor Pertanian

- tiada pertubuhan direkodkan

4. NILAI OUTPUT KASAR MENGIKUT SEKTOR DAN NEGERI

Secara keseluruhannya, nilai output kasar pertubuhan berstatus halal di Malaysia pada tahun 2022 sebanyak RM417.2 bilion berbanding RM207.4 bilion pada tahun 2015. Penyumbang utama kepada nilai output kasar adalah sektor Pembuatan iaitu RM347.8 bilion dengan peningkatan 9.6 peratus antara 2015 dan 2022. Manakala sektor Perkhidmatan menyumbang sebanyak RM59.6 bilion dengan peningkatan 10.1 peratus. Nilai output kasar bagi sektor Pertanian pula mencatatkan sebanyak RM9.9 bilion pada tahun 2022.

Paparan 6: Nilai Output Kasar Pertubuhan Berstatus Halal mengikut Subsektor, 2015 dan 2022 (RM juta)



Nota:

Liputan BE2023 meliputi sektor Pertanian manakala BE2016 tidak meliputi sektor Pertanian

Selangor kekal sebagai penyumbang utama nilai output kasar bagi sektor Pembuatan pada tahun 2022 sebanyak RM99.6 bilion (28.7%). Ini diikuti oleh Johor dan Pulau Pinang dengan sumbangan kepada nilai output kasar masing-masing sebanyak RM98.6 bilion (28.4%) dan RM42.5 bilion (12.2%). Nilai sumbangan ketiga-tiga negeri ini adalah RM240.8 bilion (69.2%).

Bagi sektor Perkhidmatan pula, Selangor menyumbang nilai output kasar tertinggi dalam pada tahun 2022 dengan nilai RM22.5 bilion atau 37.7 peratus. Ini diikuti oleh Johor dan W.P Kuala Lumpur dengan nilai output kasar masing-masing sebanyak RM13.6 bilion (22.9%) dan RM5.2 bilion (8.7%). Peratusan nilai output kasar ketiga-tiga negeri ini adalah RM41.3 bilion (69.2%).

Manakala bagi sektor Pertanian, Perak merupakan penyumbang utama nilai output kasar pada tahun 2022 dengan nilai RM2.1 bilion atau 21.4 peratus. Ini diikuti oleh Sabah dan Johor dengan sumbangan kepada nilai output kasar masing-masing sebanyak RM1.5 bilion (15.6%) dan RM1.4 bilion (13.8%). Nilai output kasar ketiga-tiga negeri ini adalah RM5.0 bilion (50.8%). Sementara itu, sumbangan bagi negeri-negeri lain adalah seperti di **Paparan 7**.

Paparan 7: Nilai Output Kasar Pertubuhan Berstatus Halal mengikut Sektor dan Negeri, 2022 (RM juta)

							
 Johor	98.6	13.6	1.4	 Kedah	7.4	0.9	0.6
 Kelantan	2.5	0.8	0.4	 Melaka	9.9	1.2	0.2
 Negeri Sembilan	8.8	1.3	0.2	 Pahang	9.1	1.3	0.6
 Perak	16.6	4.8	2.1	 Perlis	0.5	0.3	0.0
 Pulau Pinang	42.5	3.0	0.0	 Sabah	19.6	1.5	1.5
 Sarawak	17.5	2.0	1.3	 Selangor	99.6	22.5	1.1
 Terengganu	11.0	1.1	0.6	 W.P. Kuala Lumpur	2.4	5.2	-
 W.P. Labuan	1.9	0.2	0.0	 W.P. Putrajaya	-	0.1	-


Nota:

-  sektor Pembuatan
-  sektor Perkhidmatan
-  sektor Pertanian

5. NILAI DITAMBAH MENGIKUT SEKTOR DAN NEGERI

Nilai ditambah pada tahun 2022 adalah sebanyak RM98.2 bilion berbanding RM42.1 bilion pada tahun 2015. Penyumbang tertinggi adalah sektor Pembuatan dengan nilai RM61.4 bilion. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan, RM32.2 bilion dan sektor Pertanian, RM4.7 bilion pada tahun 2022.

Paparan 8: Nilai Ditambah Pertubuhan Berstatus Halal mengikut Sektor, 2015 dan 2022 (RM juta)



Nota:
liputan BE2023 meliputi sektor Pertanian manakala BE2016 tidak meliputi sektor Pertanian

Prestasi nilai ditambah mengikut negeri pada tahun 2022 menunjukkan Selangor, Johor dan Pulau Pinang sebagai penyumbang utama sektor Pembuatan. Selangor mencatatkan nilai ditambah tertinggi iaitu RM20.5 bilion dengan sumbangan sebanyak 33.4 peratus diikuti Johor (RM14.2 bilion, 23.1%) dan Pulau Pinang (RM4.5 bilion, 7.4%). Sumbangan nilai ditambah bagi ketiga-tiga negeri ini kepada sektor Pembuatan secara kolektif ialah RM39.1 bilion (63.9%).

Nilai ditambah mengikut negeri pada tahun 2022 menunjukkan tiga negeri iaitu Selangor, Johor dan W.P. Kuala Lumpur sebagai penyumbang utama bagi sektor Perkhidmatan. Selangor mencatatkan nilai ditambah tertinggi iaitu RM11.6 bilion dengan sumbangan sebanyak 36.1 peratus, diikuti Johor (RM7.1 bilion, 22.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (RM3.1 bilion, 9.5 %). Jumlah nilai ditambah bagi ketiga-tiga negeri ini kepada sektor Perkhidmatan ialah RM21.8 billion (67.8%).

Manakala bagi sektor Pertanian pula, penyumbang utama nilai ditambah mengikut negeri pada tahun 2022 ialah Johor, Sabah dan Perak. Johor mencatatkan nilai ditambah tertinggi iaitu RM835.6 juta dengan sumbangan sebanyak 17.9 peratus, diikuti Sabah (RM705.6 juta, 15.2%) dan Perak (RM680.6 juta, 14.6%). Sumbangan nilai ditambah bagi ketiga-tiga negeri ini kepada sektor Pertanian secara kolektif ialah RM2,221.8 juta (47.7%). Sumbangan nilai ditambah mengikut negeri adalah seperti ditunjukkan dalam **Paparan 9**.

Paparan 9: Nilai Ditambah Pertubuhan Berstatus Halal mengikut Sektor dan Negeri, 2022 (RM juta)

							
 Johor	14.2	7.1	0.8	 Kedah	2.0	0.6	0.2
 Kelantan	0.6	0.5	0.3	 Melaka	1.7	0.7	0.0
 Negeri Sembilan	1.7	0.8	0.1	 Pahang	2.6	0.7	0.3
 Perak	3.4	2.9	0.7	 Perlis	0.1	0.1	0.0
 Pulau Pinang	4.5	1.5	0.0	 Sabah	2.5	0.8	0.7
 Sarawak	2.3	1.2	0.6	 Selangor	20.5	11.6	0.5
 Terengganu	3.8	0.5	0.5	 W.P. Kuala Lumpur	0.6	3.1	-
 W.P. Labuan	0.9	0.5	0.0	 W.P. Putrajaya	-	0.1	-

Nota:


-  sektor Pembuatan
-  sektor Perkhidmatan
-  sektor Pertanian

6. BILANGAN PEKERJA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT SEKTOR

Pada tahun 2022, bilangan pekerja pertubuhan berstatus halal seramai 610,672 orang. Sektor Perkhidmatan mempunyai bilangan pekerja tertinggi iaitu 314,392 orang diikuti sektor Pembuatan seramai 283,184 orang dan sektor Pertanian 13,096 orang.

Jumlah gaji & upah yang dicatatkan pada tahun 2022 adalah RM25.1 bilion berbanding RM10.2 bilion pada tahun 2015. Sektor Pembuatan mencatatkan nilai gaji & upah tertinggi iaitu RM12.4 bilion (2015: RM6.5 bilion) diikuti sektor Perkhidmatan, RM12.3 bilion (2015: RM3.7 bilion) dan sektor Pertanian, RM0.3 bilion. Secara purata, setiap pekerja menerima RM3,430 sebulan pada tahun 2022 berbanding RM2,470 pada tahun 2015 (**Paparan 10**).

Paparan 10: Bilangan pekerja dan Gaji & Upah (RM juta) Pertubuhan Berstatus Halal Mengikut Sektor, 2015 dan 2022



↑↓ CAGR 2022/2015

Nota:

Liputan BE2023 meliputi sektor Pertanian manakala BE2016 tidak meliputi sektor Pertanian

- sektor Pembuatan
- sektor Perkhidmatan
- sektor Pertanian

Bilangan pekerja bergaji sepenuh masa adalah 584,620 orang dengan peratus 95.7 peratus. Seramai 14,221 pekerja (2.3%) adalah pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tanpa gaji manakala pekerja bergaji sambilan seramai 11,831 orang (1.9%) (Paparan 11).

Paparan 11: Bilangan Pekerja Pertubuhan Berstatus Halal Mengikut Kategori Pekerja, 2015 dan 2022

	JUMLAH			
Pemilik Yang Bekerja, Rakan Niaga Yang Aktif Dan Pekerja Keluarga Tidak Bergaji	2022: 14,221 2015: 1,339	2022: 2,551 2015: 800	2022: 11,540 2015: 539	2022: 130 2015: -
Pekerja Sepenuh Masa	2022: 584,620 2015: 311,014	2022: 278,760 2015: 191,852	2022: 293,899 2015: 119,162	2022: 11,961 2015: -
Pekerja Sambilan	2022: 11,831 2015: 30,540	2022: 1,873 2015: 1,447	2022: 8,953 2015: 29,093	2022: 1,005 2015: -
JUMLAH	2022: 610,672 2015: 342,893	2022: 283,184 2015: 194,099	2022: 314,392 2015: 148,794	2022: 13,096 2015: -


Nota:

-  sektor Pembuatan
-  sektor Perkhidmatan
-  sektor Pertanian

7. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Pertubuhan berstatus halal milikan wanita adalah sebanyak 1,285 pertubuhan iaitu 10.3 peratus daripada keseluruhan pertubuhan berstatus halal. Nilai output kasar dan nilai input perantaraan yang dijana masing-masing berjumlah RM15.1 bilion (3.6%) dan RM11.0 bilion (3.4%). Nilai ditambah meningkat kepada RM4.1 bilion pada 2022 berbanding RM1.4 bilion pada 2015. Bilangan pekerja yang terlibat dalam pertubuhan berstatus halal milikan wanita adalah 30,356 orang (5.0%) dengan gaji & upah yang dibayar sebanyak RM0.9 bilion (3.6%). Nilai harta tetap yang direkodkan adalah RM6.4 bilion atau 6.0 peratus seperti di **Paparan 12**.

Paparan 12: Statistik Utama bagi Pertubuhan Milikan Wanita Sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian Berstatus Halal, 2015 dan 2022



Nota:
liputan BE2023 meliputi sektor Pertanian manakala BE2016 tidak meliputi sektor Pertanian

8. PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

Pada tahun 2022, terdapat 7,748 pertubuhan PMKS berstatus halal iaitu 62.4 peratus daripada keseluruhan pertubuhan berstatus halal. Daripada jumlah tersebut, 4,371 pertubuhan (56.4%) terlibat dalam sektor Perkhidmatan, diikuti 3,092 pertubuhan (39.9%) dalam sektor Pembuatan. Selebihnya, 285 pertubuhan (3.7%) terlibat dalam sektor Pertanian. Pertubuhan PMKS menjana output kasar bernilai RM86.7 bilion dan nilai ditambah RM22.8 bilion. Selain itu, bilangan pekerja pertubuhan PMKS adalah sebanyak 241,080 orang dengan nilai gaji & upah RM8.2 bilion. Manakala, nilai harta tetap yang dicatatkan RM24.0 bilion.

Paparan 13: Statistik Utama Bagi Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS) Sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian Berstatus Halal, 2022

		JUMLAH			
	Bilangan Pertubuhan	7,748	3,092	4,371	285
	Nilai Output Kasar (RM juta)	86,781	62,751	14,222	9,808
	Nilai Input Perantaraan (RM juta)	63,961	51,313	7,478	5,171
	Nilai Ditambah (RM juta)	22,820	11,438	6,745	4,638
	Bilangan Pekerja	241,080	99,400	128,798	12,882
	Gaji & Upah (RM juta)	8,178	3,040	4,797	341
	Nilai Harta Tetap (RM juta)	23,960	8,723	8,208	7,029

Nota:

-  sektor Pembuatan
-  sektor Perkhidmatan
-  sektor Pertanian



MALAYSIA SEBAGAI KUASA EKONOMI HALAL GLOBAL: MENEROKA PRESTASI EKSPORT PRODUK HALAL

Bahagian Perangkaan
Perdagangan Antarabangsa,
Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia bukan sekadar dikenali sebagai pengeluar produk halal. Negara ini turut menerajui perubahan industri halal global dengan menetapkan piawaian pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pensijilan Halal Malaysia yang dikawal selia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kini menjadi rujukan utama dalam memastikan pematuhan Syariah. Garis panduan yang ketat dan menyeluruh ini bukan sahaja memelihara kesucian prinsip halal, malah turut memperkukuh keyakinan pengguna global terhadap produk yang membawa logo Halal Malaysia.

Kredibiliti piawaian Halal Malaysia telah mendorong pertumbuhan pesat sektor teras industri halal di samping merangsang kemunculan segmen baharu yang lebih progresif. Melalui pendekatan inovatif dan pemerkasaan menyeluruh terhadap ekosistem industri, Malaysia berjaya menarik pelaburan berkualiti tinggi, memperluas


jaringan pasaran, serta mengukuhkan kedudukan sebagai pusat halal terunggul di peringkat serantau dan global. Malaysia kini bukan sahaja menjadi peneraju dalam eksport produk halal malah turut menjadi model rujukan dalam pembangunan industri halal yang kompetitif, mampan dan berintegriti.



Pengiktirafan piawaian Halal Malaysia oleh lebih 40 negara telah mengukuhkan kedudukan negara sebagai penentu aras standard halal di peringkat global. Bagi memastikan kesinambungan prestasi cemerlang ini,

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melancarkan Pelan Induk Industri Halal Malaysia 2030 (HIMP 2030) pada 23 Mac 2023. HIMP 2030 yang dirangka bersama Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) bertujuan memperkukuh ekosistem halal negara merangkumi aspek rantai bekalan, inovasi produk, pemantapan pensijilan serta peluasan pasaran global.

Selari dengan aspirasi HIMP 2030, kerajaan turut menggubal Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang berfokus kepada transformasi industri negara melalui peningkatan kapasiti pengeluaran berteknologi tinggi, penerapan prinsip kelestarian alam sekitar (ESG) dan pemerkasaan perusahaan tempatan dalam rantai bekalan global. NIMP 2030 berfungsi sebagai pelengkap kepada HIMP 2030 dalam memperkukuh keupayaan sektor halal Malaysia untuk bersaing di peringkat antarabangsa.



Negara-negara ekonomi utama seperti Jepun, Korea Selatan dan China telah menjadikan piawaian Halal Malaysia sebagai rujukan dalam membina rangka kerja halal domestik mereka, khususnya dalam memenuhi permintaan pasaran halal global yang semakin berkembang. Keupayaan Malaysia mengintegrasikan kehendak


Syariah dengan keperluan industri moden telah menjadikan Pensijilan Halal Malaysia sebagai penanda aras utama di peringkat global.

Gabungan hala tuju strategik menerusi HIMP 2030 dan NIMP 2030 menjadi landasan utama bagi Malaysia dalam mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju eksport halal dunia. Dasar yang mantap, infrastruktur halal yang komprehensif, serta kolaborasi erat antara sektor awam dan swasta terus memperkukuh kedudukan negara. Malaysia kini berada pada posisi yang kukuh untuk merealisasikan aspirasi sebagai hab halal global yang inovatif, kompetitif dan diyakini.

Perkembangan Eksport Produk Halal Malaysia

Nilai eksport produk Halal Malaysia mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan dalam tempoh lapan tahun, apabila meningkat daripada RM39.4 bilion pada 2015 kepada RM59.9 bilion pada 2022. Trend peningkatan ini menggambarkan keyakinan berterusan pasaran global terhadap standard Halal Malaysia yang diiktiraf dunia, disokong oleh strategi penembusan pasaran yang lebih dinamik. Malaysia bukan sahaja berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai pengeksport utama malah terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju dalam membentuk hala tuju industri Halal global.


Carta 1: Jumlah Eksport Porduk Halal Malaysia, 2015 hingga 2022



Pada tahun 2022, nilai eksport barangan Halal bagi kebanyakan pengkelasan barangan telah menunjukkan peningkatan ketara berbanding 2015. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh produk Farmaseutikal dengan kadar pertumbuhan tahunan

21.6%, diikuti oleh Bahan Halal (10.8%) serta Kosmetik dan Barangan Penjagaan Peribadi (6.9%). Walau bagaimanapun, derivatif Kelapa Sawit (-8.3%) dan Kimia Industri (-2.4%) mencatatkan penurunan dalam tempoh yang sama.


Carta 2: Eksport Produk Halal Mengikut Pengkelasan Barangan, 2015 hingga 2022



Destinasi Utama Eksport Produk Halal Malaysia, 2022

Destinasi utama eksport produk halal yang berjumlah RM59.9 bilion ialah China dengan RM 7.1 bilion (11.9%). Ini diikuti oleh Singapura dengan RM 6.2 bilion (10.4%) dan Jepun dengan RM 3.7 bilion (6.1%).

Paparan 3: 10 Destinasi Utama Eksport Produk Halal, 2022



Eksport Produk Halal Mengikut Kumpulan Negara, 2022

Eksport produk halal Malaysia dianalisis berdasarkan destinasi pasaran mengikut kumpulan negara utama. Secara keseluruhan, eksport ini terbahagi kepada tiga blok pasaran

utama, iaitu negara ASEAN, negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan negara-negara Timur Tengah. Negara-negara ASEAN mencatatkan prestasi eksport yang paling memberangsangkan, dengan nilai eksport mencecah RM17.2 bilion (28.7%) menjadikannya penyumbang

utama kepada keseluruhan nilai eksport produk halal. Sementara itu, negara-negara OIC turut menunjukkan sumbangan yang ketara dengan nilai eksport berjumlah RM12.7 bilion (21.2%), mencerminkan kepentingan pasaran ini sebagai rakan dagang strategik bagi produk halal Malaysia. Negara-negara Timur Tengah pula memperlihatkan penglibatan aktif dalam perdagangan produk halal, dengan jumlah eksport bernilai RM6.2 bilion (10.4%), sekali gus menunjukkan potensi pertumbuhan pasaran halal di rantau tersebut.

Kesimpulan

Prestasi eksport produk Halal Malaysia bagi tempoh 2017 hingga 2022 membuktikan keupayaan negara memacu pertumbuhan industri Halal secara mampan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Sektor makanan dan minuman kekal sebagai

tunjang utama, di samping pertumbuhan memberangsangkan dalam sektor bahan Halal, derivatif kelapa sawit, kosmetik, kimia industri dan farmaseutikal. Malaysia terus mengekalkan momentum eksport meskipun berdepan cabaran ekonomi global, hasil kekuatan ekosistem Halal yang berteraskan pensijilan bertaraf dunia, keupayaan industri dan strategi pasaran yang menyeluruh.

Dengan pelaksanaan Pelan Induk Industri Halal Malaysia 2030 (HIMP 2030), negara kini berada pada landasan kukuh untuk memperteguh kedudukan sebagai kuasa ekonomi Halal global. Berpandukan parameter Halal yang mantap, strategi inovatif serta sokongan padu daripada pihak industri dan kerajaan, Malaysia diyakini mampu memacu transformasi industri Halal ke tahap lebih tinggi dan menjadi nadi utama dalam ekonomi Halal dunia.

Rujukan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Pengiktirafan Global Pensijilan Halal Malaysia. <https://www.halal.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2015-2023). Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri 2015-2023. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [MITI]. (2023, 23 Mac). Pelan Induk Industri Halal Malaysia 2030 (HIMP 2030) dilancarkan untuk memperkukuh kepimpinan Malaysia dalam industri halal global [Siaran media].

https://www.miti.gov.my/miti/resources/Media%20Release/%5BFINAL-ENG%5D_2023-03-23_MITI_HALAL_INDUSTRY_MASTER_PLAN_2030_LAUNCHED_TO_STRENGTHEN_MALAYSIA%E2%80%99S_LEADERSHIP_IN_GLOBAL_HALAL_INDUSTRY_.pdf

Perbadanan Pembangunan Industri Halal [HDC]. (2023). Pelan Induk Industri Halal Malaysia 2030 (HIMP 2030).

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [MITI]. (2023). Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

The Star. (2024, 18 Oktober). JAKIM mengiktiraf lima lagi badan pensijilan halal antarabangsa.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/18/jakim-recognises-five-more-foreign-halal-certification-bodies>

1. INTRODUCTION

Year 2022 was marked by significant challenges and uncertainties, influenced by several global factors including rising inflation, geopolitical conflicts, higher interest rates and volatility in financial markets. Despite the global uncertainty, Malaysia recorded a strong economic performance in 2022, achieving a growth rate of 8.9 per cent. This growth was driven by robust domestic demand, encouraging export performance and supportive government policies. However, the country continued to face various challenges such as inflation, supply chain disruptions and market instability factors that necessitate strategic and well-planned policy interventions.

Over time, apart from the implementation of policies and programs towards sustainable national socioeconomic development, the Government has proactively introduced various initiatives and programs to develop and promote halal certification in Malaysia. In terms of chronology, the Halal Certification initiative in Malaysia began as early as 1965 with the Selangor Islamic Religious Department (JAIS), prior to the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) issuing halal confirmation letters in 1974 for food and beverage products that complied with Shariah requirements. In 1994, the Malaysian Government formalised halal verification and certification through the issuance of standardised certificates and logos by JAKIM. In the effort to position Malaysia as the most competitive country leading the global halal industry, the Halal Development Corporation (HDC) was also established in 2006 under the Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI). The National Halal Policy 2025-2035 has been developed as a long-term strategy for the country's halal development. Malaysia as a Global Halal Hub, contributed RM61.8 billion in halal products, which is approximately 4.1% of the country's total exports as part of a long-term strategy.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) conducted the Economic Census 2023 aimed to collect more detailed information on economic performance and structure. The data gathered serves as a crucial foundation for government bodies, policymakers and researchers to make informed decisions and formulate effective strategies for national economic growth. Among the information collected in this census includes the profile of establishments that comply with halal certifications in Malaysia or internationally.




2. HALAL STATISTICS

The publication presents the findings of Malaysia's Halal Statistics derived from the Economic Census 2023. The report features key indicators such as number of establishments, gross output value, intermediate input value, value added, number of employees, salaries & wages paid, value of fixed assets, women ownership, halal product exports and product classification were also presented in this report. The Halal Statistics 2022 report encompasses three main economic sectors which are Manufacturing, Services and Agriculture.

Based on the findings of Economic Census 2023, there were 12,424 halal establishments. The gross output value was RM417.2 billion, with intermediate inputs totalled RM319.0 billion. The value added amounting to RM98.2 billion. A total of 610,672 persons were employed in halal establishments, with total salaries & wages paid amounting to RM25.1 billion. The total value of fixed assets was recorded at RM105.8 billion.

Exhibit 1: Principal Halal Statistics, 2015 and 2022



Notes:


The coverage of BE2023 included the Agriculture sector, whereas BE2016 did not include Agriculture sector

2.1 HALAL STATISTICS IN THE MANUFACTURING SECTOR

In 2022, there were 3,590 halal establishments in Manufacturing sector as compared to 2,151 (year 2015), with an annual growth rate of 7.3 per cent. During the same period, a gross output value of RM347.8 billion in 2022, compared to RM178.0 billion in 2015, with an annual growth rate of 9.6 per cent, generating a value added of RM61.4 billion in 2022.

This sector also registered an average annual growth rate of 5.4 per cent in employment, reaching 283,184 workers in 2022 compared to 194,099 in 2015. Meanwhile, total salaries & wages paid amounting to RM12.4 billion in 2022, up from RM6.5 billion in 2015.

Exhibit 2: Principal Halal Statistics in the Manufacturing Sector, 2015 and 2022




2.2 HALAL STATISTICS IN THE SERVICES SECTOR

